

|             |   |              |                   |
|-------------|---|--------------|-------------------|
| Headline    | <b>Jumlah kes HIV semakin berkurangan</b> | Language     | <b>MALAY</b>      |
| Date        | <b>20. Mar 2009</b>                       | Page No      | <b>36</b>         |
| Media Title | <b>Harian Metro</b>                       | Article Size | <b>120 cm2</b>    |
| Section     | <b>Setempat</b>                           | Frequency    | <b>Daily</b>      |
| Circulation | <b>336603</b>                             | Color        | <b>Full Color</b> |
| Readership  | <b>2192000</b>                            | AdValue      | <b>2595.84</b>    |



## Jumlah kes HIV semakin berkurangan

**K**EMENTERIAN Kesihatan menjangkakan 110,000 kes HIV akan dikesan sehingga 2015 berdasarkan 'trend' penurunan yang berlaku ketika ini.

Dengan situasi itu, Kementerian yakin negara mampu mencapai sasaran Matlamat Pembangunan Milenium iaitu menurunkan jangkitan penyakit terbabit kepada 11 kes bagi setiap 100,000 penduduk menjelang 2015.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Abd Latiff Ahmad (*gambar*), berkata sejak kes HIV pertama dikesan pada 1986, jangkitan penyakit itu yang tertinggi dilaporkan pada 2002 iaitu 6,978 kes.

Menurutnya, jumlah kes yang dilaporkan menunjukkan penurunan berterusan bermula 2003 dan pada tahun lalu terdapat 3,692 kes.

"Sekiranya penurunan jumlah kes yang dikesan itu berkekalan, memang kami menjangkakan hanya



110,000 kes HIV akan dikesan sehingga 2015 nanti.

"Jadi angka 300,000 kes yang dikesan pada 2015 seperti laporan Majlis Aids Malaysia (MAM) itu anggaran bilangan kes HIV jika tiada langkah kawalan dan pencegahan dilakukan.

"Kerajaan menyedari hakikat berkenaan dan mengambil pelbagai langkah termasuk melaksanakan Pelan Strategik Kebangsaan (NSP) mengenai Aids 2006-2010," katanya ketika menjawab soalan Datuk Kamarul Baharin Abbas (Teluk Kemang-PKR).